

AKHBAR : SIAKAP KELI
TARIKH : 23 MAC 2022
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE
HARI : RABU



Mangsa Banjir Boleh Tangguh Bayaran PTPTN, Ini Yang Anda Perlu Tahu Sebelum Mohon

 Eyla Azri  20 jam lalu  2 min read

Bencana banjir yang melanda negara baru-baru ini pastinya mendatangkan kesan terhadap mangsa-mangsa terjejas, terutamanya dari segi kewangan.

Untuk meringankan beban golongan yang terjejas banjir, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melaksanakan penangguhan bayaran balik pinjaman selama tiga bulan bagi para peminjam yang terkesan akibat bencana alam tersebut.

Bagi peminjam PTPTN yang terjejas banjir dan masih belum membuat permohonan penangguhan bayaran balik pinjaman, ini perkara yang anda patut tahu sebelum memohon.



Penangguhan Bayaran Balik Pinjaman PTPTN Akibat Bencana Banjir

Penangguhan selama **3 bulan** kepada
peminjam PTPTN yang terkesan

Permohonan boleh dibuat mulai

28 Disember 2021 hingga 31 Mac 2022

Melalui pautan berikut:

www.ptptn.gov.my/PenangguhanBayaranBalikBanjir

www.ptptn.gov.my

Apa itu penangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN akibat banjir

PTPTN menyediakan kemudahan penangguhan bayaran balik kepada peminjam yang menghadapi kesukaran membayar balik pinjaman kerana terkesan bencana banjir. Penangguhan bayaran balik pinjaman ini akan diberikan kepada peminjam untuk tempoh tiga bulan bermula pada bulan pertama permohonan diluluskan pihak PTPTN.

Penangguhan bermula pada bulan yang sama kelulusan permohonan diberikan dan dua bulan ke hadapan dari bulan **Disember 2021 hingga Mei 2022**.


Bagi peminjam yang tidak terlibat dengan pembayaran pinjaman melalui potongan gaji, tempoh penangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN akibat banjir mengikut bulan kelulusan adalah selama 3 bulan seperti berikut:

- Disember 2021 – tempoh penangguhan Disember 2021 hingga Februari 2022
- Januari 2022 – tempoh penangguhan Januari hingga Mac 2022
- Februari 2022 – tempoh penangguhan Februari hingga April 2022
- Mac 2022 – tempoh penangguhan Mac hingga Mei 2022



Tempoh Penangguhan Bayaran Balik Pinjaman PTPTN Akibat Banjir

Tempoh penangguhan adalah selama 3 bulan bermula pada bulan kelulusan penangguhan kecuali peminjam yang terlibat dengan potongan gaji



www.ptptn.gov.my

Cara memohon penangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN akibat banjir

Permohonan penangguhan bayaran balik ini telah pun dibuka pada **28 Disember 2021 hingga 31 Mac 2022**.

Untuk membuat permohonan, peminjam hanya perlu mengemukakan permohonan melalui portal rasmi PTPTN di pautan [ini](#) atau hadir ke mana-mana cawangan PTPTN yang berhampiran sepanjang tempoh permohonan dibuka.

Tiada sebarang dokumen sokongan yang diperlukan semasa permohonan dibuat.

PENANGGUHAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN AKIBAT BENCANA BANJIR



Buat permohonan di
www.ptptn.gov.my
atau kunjungi Pejabat
PTPTN Cawangan yang
berhampiran anda



Permohonan mulai
28 Disember 2021
hingga 31 Mac 2022



Tiada dokumen
sokongan
diperlukan

- ★ Penangguhan bermula pada bulan yang sama kelulusan permohonan diberikan & 2 bulan ke hadapan dari Disember 2021 hingga Mei 2022
- ★ Kelulusan akan dimaklumkan melalui e-mel dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh kemukakan permohonan

www.ptptn.gov.my

Kelulusan permohonan akan dimaklumkan pihak PTPTN melalui e-mel dalam tempoh tiga hari bekerja dari tarikh permohonan dihantar.

Sebarang pertanyaan berkaitan penangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN boleh diajukan di *live chat* PTPTN di pautan [ini](#) atau hubungi *careline* di talian 03-2193 3000.

Selepas penangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN tamat pada 31 Mac, peminjam masih boleh menikmati insentif diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN sehingga 31 April 2022.

Terdapat 3 insentif diskaun bayaran balik pinjaman yang boleh dinikmati iaitu:

- Diskaun 15% atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman;
- Diskaun 12% untuk bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran; dan
- Diskaun 10% untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau debit terus (*direct debit*) mengikut jadual.

<https://siakapkei.my/2022/03/23/mangsa-banjir-boleh-tanggung-bayaran-ptptn-ini-yang-anda-perlu-tahu-sebelum-mohon/>